

# Hapus diskriminasi di tempat kerja bantu kejayaan organisasi

Sering kali kita dengar diskriminasi suatu perbuatan yang sangat tidak bermoral dan turut berpotensi mengundang permusuhan.

Contoh terbaik diambil ialah di tempat kerja. Sebagai seorang rakyat Malaysia yang berikrar kepada Rukun Negara, kita mesti mematuhi undang-undang dan menghormati orang lain tanpa mengira jantina, agama, politik dan latar belakang.

Sebagai sebuah negara berbilang

kaum dan agama, semestinya amat sukar bagi sesetengah daripada kita untuk menjalinkan hubungan yang baik antara rakan yang lain.

Namun begitu, kita perlu bersyukur. Walaupun Malaysia mempunyai pelbagai warna dan corak budaya, kita masih kekal aman tenteram di bawah satu payung pentadbiran meskipun terdapat kepercayaan politik yang berbeza.

Memang tidak dapat dinafikan ba-

hawa Malaysia sering menjadi rujukan bagi negara berbilang agama dan kaum yang lain dalam mengekalkan keamanan rakyat mereka.

Faktor utama mengapa diskriminasi sering berlaku adalah disebabkan seorang berasaskan dirinya lebih baik dan lebih bagus berbanding orang lain.

Ini sering terjadi apabila seseorang itu memandang rakananya yang lain tidak penting dan berasaskan dirinya sahaja yang betul.

Contoh yang paling kerap berlaku ialah apabila dalam sesbuah mesyuarat. Pendapat ahli yang lain langsung tidak diendahkan dan tidak diterima kerana berasaskan ia tidak penting.

Faktor kedua yang turut menyumbang kepada diskriminasi ialah apabila seseorang suka menyalahkan orang lain atas kesilapan yang dilakukannya sendiri.

Perbuatan ini dilakukan untuk menjaga air muka diri sendiri dan memalukan orang lain supaya dirinya sentiasa dihormati dan dipuji.

Oleh yang demikian sebagai seorang rakan yang bertanggungjawab, kita mesti berusaha mengelakkannya daripada mendiskriminasi orang lain.

Perbuatan ini boleh memutuskan hubungan antara manusia dan ia amat dibenci setiap agama.

Bertitik tolak daripada itu, ketika di tempat kerja kita mesti mengetepikan pangkat dan darjah apabila a berurusan dengan orang lain supaya tidak timbul isu pentingkan diri dan berat sebelah.

Terlalu banyak masalah yang timbul pada hari ini disebabkan rasuah dan

berat sebelah akibat seseorang itu berrasakan dirinya perlu diberikan keutamaan dan sikap mementingkan diri.

Ingatlah bahawa sikap penting diri itu hanya memakai diri sendiri dan langsung tidak membawa sebarang kebaikan, selain daripada kepuasan diri sendiri.

Malah, ia hanya mengundang banyak keburukan yang jelas kepada diri, organisasi dan juga syarikat.

Percayalah persekitaran tempat kerja yang aman dan harmoni tanpa sebarang pergaduhan mampu meningkatkan mutu kerja dan melahirkan katalan sepakat yang menguntungkan semua pihak.

Slogan 'Kita Satu Bangsa, Satu Negara' perlu diterapkan dalam rakyat Malaysia di segenap peringkat umur, lebih-lebih lagi pada waktu kanak-kanak. Melentur buluh biarlah daripada rebungnya.

Justeru, ibu bapa perlu menunjukkan contoh teladan yang baik kepada anak.

Sebagai rakyat Malaysia, kita mesti mengekalkan keharmonian dan kesatuan yang dinikmati sekarang supaya anak cucu pewaris negara dapat merasai apa itu keamanan sejagat tanpa perlu mencarinya di internet.

Persekitaran tempat kerja harmoni dan saling menerima kekurangan orang lain adalah kunci kejayaan sebuah organisasi.

**Muhammad Syaqir Yunus Abdul Halim,**  
Pelajar International Baccalaureate MCKK  
(Malay College Kuala Kangsar)



Persekitaran harmoni di tempat kerja memberi kesan positif kepada produktiviti.

(Foto hiasan)